

TA300

Terminal Cap Jari Desktop
Waktu dan Kehadiran

Panduan Pengguna

ISI KANDUNGAN

2-4 **BAB 1 • MEMULAI**

Merujuk Panduan Pengguna di Internet
Aksesori pakej TA300
Bahan Bercetak Di Dalam Pakej TA300
Penggunaan TA300
Mengaktifkan TA300
Menyambung TA300 ke PC
Mendaftar TA300

5-7 **BAB 2 •ASAS**

Pengenalan TA300
Gambaran Keseluruhan TA300
Papan Kekunci TA300
Seting Tarikh dan Masa
Menukar Bahasa Paparan dan Suara Sapaan
Untuk membersihkan Pengimbas Cap Jari

8-11 **BAB 3 • PENGURUSAN PENGGUNA**

Mendaftar Pengguna
Pendaftaran Cap Jari
Mendaftar Pentadbir
Mendaftar Cap Jari
Mendaftar Kata Laluan
Mendaftar Kad RFID (*TA300-R sahaja*)
Mendaftar Kad MiFare (*TA300-MC sahaja*)
Pengesahan Pengguna
Keputusan Pengesahan
Memadam Pengguna
Aras/Keistimewaan Kemasukkan

12 **BAB 4 •SUMBER LAIN**


Maklumat Tentang FingerTec
Notis Hakcipta & Sangkalan

1. MEMULAI


Merujuk Panduan Pengguna Di Internet

Panduan Pengguna tersedia di dalam pakej apabila anda membeli FingerTec TA300. Panduan Pengguna ini juga ada di fingertec.com dan user.fingertec.com. Pilihan bahasa untuk Panduan Pengguna juga disediakan.


Aksesori Pakej Ta300



Terminal cap jari TA300



Kabel USB



Penyadur Kuasa DC 5V

Bahan Bercetak Di Dalam Pakej TA300

- FingerTec Komprehensif DVD
- Panduan Mula Cepat
- Risalah
- User Template Borang Pendaftaran
- Kad Jaminan


Penggunaan TA300

Tonton panduan video di <http://user.fingertec.com/user-vd-TA300.htm> untuk memahami operasi TA300.

Mengaktifkan TA300


The Terminal supports 3 types of power input.TA300 boleh menerima 3 jenis daya input.

PENYADUR KUASA DC5V




Sambungkan penyadur kuasa DC5V terus ke punca kuasa untuk menyalurkan kuasa ke TA300 dan mengemas bateri dalaman. Pengalihan bateri dalaman tidak akan menjejaskan prestasi terminal sekiranya terminal TA300 disambungkan ke penyadur kuasa DC5V.

PC KE PORT USB



Anda boleh menyambung kabel USB yang dibekalkan ke port USB PC untuk mengemas bateri dalaman dan untuk memasang TA300. Anda boleh mengalihkan bateri dalaman dan TA300 akan tetap berfungsi melalui kuasa yang diterima dari port USB di PC.

BATERI DALAMAN




Cas bateri dalaman menggunakan penyadur kuasa DC5V atau port USB PC. Setelah bateri dicas, anda boleh tanggalkan semua penyadur kuasa. Rujuk pada ikon bateri pada LCD TA300 untuk mengetahui status kuasa. Cas apabila perlu.

PASANG/TUTUP TA300

- Untuk menutup, tekan tombol selama 3 saat.
- Untuk memasang, tekan sekali.

Menyambung TA300 Ke Komputer



Sambung TA300 ke port USB PC menggunakan kabel USB. Jika anda menggunakan lebih dari satu unit TA300, anda hanya boleh menyambung satu unit ke USB PC pada satu masa. Cabut TA300 dari komputer setelah selesai mengalih data, kemudian pasang unit yang lain dan ulangi proses.

Mendaftar TA300

Pastikan anda mendaftar jaminan TA300 anda dengan kami di fingertec.com/ver2/english/e_warranty.htm.

2. ASAS

Pengenalan TA300

TA300 adalah mesin waktu kehadiran terbaru dari FingerTec yang beroperasi seperti alat mudah alih, sebuah pembaca cap jari mandiri yang tidak perlukan pemasangan. Keringkasan dan mudah alih TA300 membuatkan ia sesuai untuk mendapatkan kehadiran secara bergerak, seperti pusat latihan, pusat tuisyen, pekerja buruh, dsb. Dengan bateri dalaman yang boleh bertahan sehingga 5 jam pada penggunaan normal, TA300 bukan sahaja ditawarkan pada harga berpatutan, tetapi ia juga memudahkan pengguna.


Model TA300 juga sesuai untuk syarikat kecil dan sederhana yang memerlukan sistem waktu kehadiran yang kos efektif untuk menguruskan sumber manusia. Pekerja boleh mendaftar masuk dan keluar menggunakan TA300, dan apabila selesai, anda hanya perlu memasang kabel USB ke PC anda dan muat turun data ke perisian TCMS V2 untuk laporan kehadiran.

TA300 boleh menampung sehingga 500 templat cap jari dan 30000 transaksi setiap terminal. TA300 sememangnya memberi pulangan yang bernilai! Pilihlah TA300 untuk sistem kehadiran yang senang dan mudah alih!

NOTA

TA300 asal tidak dilengkapi dengan sebarang pembaca kad tetapi terminal boleh menerima tiga jenis teknologi kad, RFID, HID dan MiFare mengikut permintaan anda.

Gambaran Keseluruhan TA300



PERKARA

APAKAH KEGUNAANNYA

Skrin LCD

Memaparkan hari, tarikh dan masa.

LED

LED Hijau – menunjukkan TA300 berada dalam mod sedia dan sedia untuk pengesahan pengguna, atau pengguna telah disahkan.

LED merah – menunjukkan pengguna gagal disahkan pada TA300.

Papan Kekunci


Untuk memasukkan arahan ke TA300 dan melakukan konfigurasi

Kawasan Induksi Kad


Membaca informasi kad berdasarkan sistem kad TA300-R. (TA300-R sahaja)

Pengimbas Cap Jari

Mengimbas jari untuk pengesahan identiti.




PERKARA	APAKAH KEGUNAANNYA
Slot Bateri	Masukkan bateri sokongan FingerTec untuk memasang TA300.
Port USB 1	Sambung penyambung USB yang dibekalkan untuk muat turun/naik data dari/ke TA300. Sambungkan penyambung USB ke penyadur kuasa yang dibekalkan ke TA300 untuk memasang dan cas bateri.
Port USB 2	Sambung penyambung USB yang dibekalkan ke pencetak resit untuk mencetak resit setelah pengesahan.



Masa	Menunjukkan masa untuk TA300
Hari / Tarikh	Menunjukkan hari dan tarikh untuk TA300
Bateri	Menunjukkan status bateri dalaman (ikon ini hanya akan dipaparkan selepas bateri dalaman dimasukkan).

Papan Kekunci



0 ke 9	Untuk masukkan ID pengguna atau kata laluan ke dalam TA300.
On-Off	Tekan selama 3 saat untuk menutup TA300. Tekan sekali untuk memasang TA300
ESC	Untuk batal operasi yang berjalan

PERKARA	APAKAH KEGUNAANNYA
OK	Untuk mengesahkan operasi
Daftar CJ	Untuk mulakan proses pendaftaran cap jari.
KtLaluan/Kad	Untuk memulakan pendaftaran katalaluan atau kad. <i>(TA300-R sahaja)</i>
Hapus Pengguna	Untuk menghapus pengguna dari TA300.
Set Masa	Untuk menukar tarikh dan masa untuk TA300
MSK	Untuk tentukan masa anda mula bekerja, atau kembali dari rehat.
KLR	Untuk tentukan masa anda selesai bekerja atau berehat.

Seting Tarikh Dan Masa

TA300 direka eksklusif untuk masa kehadiran, di mana masa dan tarikh adalah penting untuk sistem.

UNTUK SET TARIKH DAN MASA TA300

Set Masa > Tekan MSK atau KLR untuk pilih tarikh atau masa yang ingin ditukar > Tekan nombor 0 ke 9 untuk masukkan input > OK

Menukar Suara Sapaan & Bahasa Paparan

Anda boleh menukar suara sapaan dan bahasa paparan TA300 ke bahasa tempatan.

UNTUK MENUKAR

Masukkan 5555 > Set Masa > Pilih bahasa dengan menekan MSK atau KLR> OK (simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama.

Untuk Membersihkan Pengimbas Cap Jari

Bersihkan pengimbas cap jari dengan kain mikrofiber.

3 • PENGURUSAN PENGGUNA

Mendaftar Pengguna



TA300 boleh menampung sehingga 500 cap jari dan 30000 log transaksi. Pentadbir diperlukan sebelum mana-mana pengguna didaftarkan ke dalam TA300. Setelah pentadbir didaftarkan di TA300, sebarang percubaan untuk masuk ke pendaftaran atau penghapusan pengguna akan membuatkan terminal memaparkan “Pengesahan Pentadbir”. Cap jari pentadbir atau kata laluan diperlukan untuk masuk ke fitur yang lain.


Julat ID Pengguna yang ditawarkan di TA300 adalah dari 00001 ke 65534. Namun begitu, ID pengguna 8888 dikhaskan untuk pentadbir. Pendaftaran pengguna biasa tidak dibenarkan untuk menggunakan ID Pengguna 8888.

Membuat Pendaftaran

Adalah dicadangkan supaya mendaftar dua jari untuk satu ID pengguna. Satu templat adalah asal dan satu lagi akan digunakan sebagai sokongan. Anda perlu memeriksa kualiti cap jari sebelum membuat pendaftaran. Adalah amat penting untuk mengenalpasti titik tengah jari kerana titik tengah ini perlu diletakkan di tengah-tengah pengimbas semasa pendaftaran untuk mendapatkan pembacaan yang baik. Anda juga perlu memastikan jari tidak terlalu basah atau kering untuk pendaftaran. Semasa pendaftaran atau pengesahan, jangan tekan pengimbas dengan kuat, hanya letakkan jari anda pada pengimbas. Jangan daftar atau membuat pengesahan cap jari di bawah cahaya terang atau cahaya matahari terus.




APA ANDA PERLU LAKUKAN



Letakkan jari secara rata pada pengimbas cap jari. Pastikan titik tengah cap jari diletakkan pada tengah-tengah pengimbas cap jari.



APA ANDA TIDAK SEPATUTNYA LAKUKAN



Mendaftar Pentadbir

Pentadbir mesti mendaftar pada ID 8888.

Untuk mendaftar cap jari pentadbir: Tekan Daftar CJ > Daftar Baru? > OK > masukkan 8888 > OK > Letakkan jari pada pengimbas 3 kali untuk merakam cap jari > OK (Simpan) > Daftar Baru? > ESC > Daftar Sokongan? > OK > Letakkan jari pada pengimbas 3 kali untuk merakam cap jari > OK (Simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama.

Adalah dicadangkan untuk mendaftar jari lain sebagai sokongan cap jari semasa proses pendaftaran. Namun ini adalah opsional. Untuk mendaftar satu cap jari sahaja, tekan ESC untuk kembali ke menu utama selepas anda simpan cap jari pendaftaran pertama.

Setelah pentadbir didaftar di TA300, pengguna biasa tidak boleh masuk ke TA300 untuk membuat sebarang seting. Mesej "Pengesahan Pentadbir" akan dipaparkan jika anda menekan butang pada TA300, meminta pengesahan pentadbir untuk kemasukkan ke menu utama.

Mendaftar Cap Jari

Untuk mendaftar cap jari: Tekan Daftar CJ > Daftar Baru? > OK > masukkan ID pengguna > OK > Letakkan jari pada pengimbas 3 kali untuk merakam cap jari > OK (Simpan) > Daftar Baru, Sambung? > ESC > Daftar Sokongan? > Letakkan satu lagi jari pada pengimbas 3 kali untuk merakam cap jari > OK (Simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama.

Adalah dicadangkan untuk mendaftar satu lagi jari sebagai cap jari sokongan semasa proses pendaftaran. Untuk mendaftar 1 cap jari sahaja, tekan ESC untuk kembali ke menu utama selepas anda simpan pendaftaran cap jari pertama anda.

Mendaftar Kata Laluan

Untuk mendaftar dengan kata laluan: Tekan Ktlaluan/Kad > Daftar Baru? > OK > masukkan ID Pengguna > OK > Masukkan kata laluan (maksimum 5-digit) > OK > Masukkan sekali lagi kata laluan untuk pengesahan > OK (Simpan) > OK > ESC untuk kembali ke menu utama.

Mendaftar Kad Rfid (TA300-R sahaja)

Unit asas TA300 tidak dilengkapi dengan modul pembacaan kad RFID. Anda boleh memesan TA300 dengan fitur kad dengan kami di sales@fingertec.com

Untuk daftar dengan kad RFID: Tekan Ktlaluan/Kad > Daftar RFID > Daftar Baru? > OK > masukkan ID pengguna > OK > Layangkan kad RFID ke kawasan induksi > OK (Simpan) > OK > ESC untuk kembali ke menu utama.

Mendaftar Kad Mifare (TA300-MC sahaja)

Pendaftaran kad Mifare adalah untuk menyimpan cap jari pengguna di dalam kad Mifare. Pada asalnya, TA300 tidak dilengkapi dengan modul pembacaan kad Mifare. Anda boleh memesan TA300 dengan fitur kad dengan kami di sales@fingertec.com

Terdapat 7 operasi berlainan untuk kad Mifare di TA300.

Cipta PIN kad: Mencipta identiti kad tanpa menyimpan sebarang cap jari ke dalam kad. Pengguna kad mesti membuat pendaftaran awal ke dalam TA300 dengan cap jari atau kata laluan.

Tekan KtLaluan/Kad > Pgurusan Kad CJ > Cipta PIN Kad > Masukkan ID Pengguna > Layangkan kad pada kawasan induksi > Tulis Berjaya > OK (simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama.

Daftar Kad CJ: Mendaftar pengguna baru dan menulis cap jarinya terus ke dalam kad Mifare. Cap jari tidak disimpan di dalam TA300.

Tekan KtLaluan/Kad > Pgurusan Kad CJ > Daftar Kad CJ > Masukkan ID Pengguna > Letakkan cap jari ke pengimbas 3 kali untuk merakam cap jari > OK > Layangkan kad pada kawasan induksi > Tulis berjaya > OK (Simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama.

Cipta Kad CJ: Salin cap jari pengguna dari TA300 ke kad Mifare.

Tekan KtLaluan/Kad > Pgurusan Kad CJ > Cipta Kad CJ > Masukkan ID Pengguna > Layangkan kad pada kawasan induksi > Tulis Berjaya > OK (Simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama

Daftar Kad CJ: Mendaftar kad Mifare yang telah didaftar di terminal FingerTec lain ke TA300.

Tekan KtLaluan/Kad > Pgurusan Kad CJ > Daftar Kad CJ > Layangkan kad pada kawasan induksi > Tulis Berjaya > OK (Simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama

Batal Pdaftaran Kad CJ: Batal pendaftaran kad Mifare tertentu dari TA300. TA300 tidak akan membaca kad itu selepas operasi ini.

Tekan KtLaluan/Kad > Pgurusan Kad CJ > Batal Dftr Kad CJ > Layangkan kad pada kawasan induksi > Tulis Berjaya > OK (Simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama.

Kosongkan Kad: Fitur ini adalah untuk mengosongkan kandungan kad Mifare.

Tekan KtLaluan/Kad > Pgurusan Kad CJ > Kosong Kad > Layangkan kad pada kawasan induksi > Tulis Berjaya > OK (Simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama

Salin Kad CJ: Salin cap jari dari kad Mifare ke TA300. Pengguna boleh membuat pengesahan terus pada TA300.

Tekan KtLaluan/Kad > Pgurusan Kad CJ > Salin Kad CJ > Layangkan kad pada kawasan induksi > Tulis Berjaya > OK (Simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama.

Alih ke Kad CJ: Salin cap jari dari TA300 ke kad Mifare. Cap jari di TA300 akan dihapus selepas operasi.

Tekan KtLaluan/Kad > Pgurusan Kad CJ > Alih ke Kad CJ > Masukkan ID Pengguna > Layangkan kad ke kawasan induksi > Tulis Berjaya > OK (Simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama.

Kad Sahaja: Tekan KtLaluan/Kad > Pgurusan Kad CJ > Kad Sahaja > Set Ya atau Tidak dengan menekan butang MSK atau KLR > OK (Simpan) > ESC untuk kembali ke menu utama

Ya – TA300 hanya akan membaca kad Mifare untuk pengesahan pengguna tanpa meminta pengesahan cap jari.

NO – TA300 hanya akan membaca kad Mifare dan akan meminta pengguna untuk membuat pengesahan cap jari.

Pengesahan Pengguna

Pengguna cap jari boleh memilih untuk menggunakan kaedah “1 ke 1” atau “1 ke Banyak”.

Pengesahan cap jari 1 ke 1: Masukkan ID Pengguna > OK > Letakkan jari pada pengimbas untuk merakam cap jari > Keputusan pengesahan.

Pengesahan cap jari 1 ke Banyak: Letakkan jari ke pengimbas untuk rakam cap jari > Keputusan pengesahan. *Nota: Untuk pengguna yang selalu gagal membuat pengesahan cap jari menggunakan kaedah 1 ke Banyak dicadangkan untuk menggunakan kaedah 1 ke 1.*

Pengesahan Kata laluan: Masukkan ID Pengguna > OK > Masukkan kata laluan > OK > Keputusan pengesahan.

Pengesahan pengguna Kad RFID: Layangkan kad RFID pada kawasan induksi > Keputusan pengesahan.

Pengesahan pengguna kad Mifare: Layangkan kad Mifare pada kawasan induksi > Letakkan jari pada pengimbas untuk rakam cap jari > Keputusan pengesahan

Sila ambil perhatian tentang beberapa perkara untuk mendapatkan pembacaan yang bagus setiap masa.

- Pastikan titik tengah jari anda diletakkan di tengah pengimbas untuk pembacaan yang bagus.
- Dicadangkan menggunakan jari telunjuk. TA300 boleh menerima jari yang lain tetapi jari telunjuk adalah lebih sesuai.
- Pastikan jari tidak terlalu basah, kering, cedera atau kotor
- Jangan tekan kuat pada pengimbas, hanya letakkan jari dengan selesa.
- Jauhi cahaya matahari terus atau cahaya terang semasa proses pengesahan

Keputusan Pengesahan

SUARA / MESEJ	APAKAH MAKSUDNYA?
"ID Pengguna XXXXX"	Pengesahan identiti Berjaya. TA300 menyimpan log transaksi untuk menandakan kehadiran
"Sila Cuba Lagi"	Pengesahan identiti gagal kerana jari tidak diletakkan dengan betul atau templat tiada di TA300.
"Pgsahan Pentadbir"	Anda bukan pentadbir sistem dan anda tidak boleh masuk ke halaman Menu
"Kata laluan Salah"	Pengesahan identiti gagal kerana anda telah masukkan kata laluan yang salah pada TA300
"Kad Tidak Sah"	Kad yang digunakan tidak didaftar atau kad rosak.

Padam Pengguna

Hanya pentadbir boleh memadam pengguna di TA300. Untuk padam pengguna tertentu, tekan Pdm > Masukkan ID Pengguna untuk memadam > OK > ESC untuk kembali ke menu utama.

Aras Kemasukan/keistimewaan

TA300 menawarkan dua jenis aras kemasukan atau keistimewaan.

KEISTIMEWAAN	APA ANDA BOLEH LAKUKAN?
Pengguna biasa	Hanya guna TA300 untuk pengesahan identiti. Anda tidak boleh masuk ke Menu dan lakukan perubahan pada seting dan sistem
Pentadbir	Anda dibenarkan untuk masuk ke dalam menu untuk mendaftar pengguna dan ubah seting dan sistem.

4 • SUMBER LAIN

Maklumat Tentang FingerTec

Untuk mengetahui tentang Pergi ke?	
Syarikat dan produk	www.fingertec.com
Kemaskini terbaru	Facebook Fan Page: FingerTec Worldwide Twitter: FingerTec Newsletter: : Melanggan dengan menghantarkan emel ke www.fingertec.com/subscribe-R/newsletter.html
Tip Teknikal dan Produk Terbaru Kemaskini	user.fingertec.com
Emel	info@fingertec.com (Vendite) Support@fingertec.com (Tecnico)
Daftar untuk Jaminan	www.fingertec.com/GPW/warranty.htm
Aksesori FingerTec	accessory.fingertec.com

Notis Hakcipta & Sangkalan

NOTIS HAKCIPTA

Semua hakcipta terpelihara. Tidak ada bahagian dari buku ini yang boleh diterbitkan atau disebar dalam apa jua bentuk dan cara, melalui elektronik atau mekanikal, termasuk membuat salinan, rakaman, atau sebarang sistem simpanan tanpa kebenaran bertulis daripada FingerTec Worldwide Sdn Bhd. Setiap peringatan telah dibuat untuk menyampaikan maklumat yang lengkap dan tepat. Maklumat dalam dokument ini boleh ditukar tanpa sebarang notis.

PENAFIAN

Tiada individu yang harus bergantung kepada kandungan buku ini tanpa mendapatkan nasihat daripada pakar profesional. Syarikat menafikan semua dan apa-apa liabiliti dan tanggungjawab ke atas mana-mana terminal atau pengguna buku ini, tentang apa sahaja, atau apa-apa sebab yang dilakukan oleh individu yang dipertanggungjawabkan, samada secara menyeluruh atau sebahagian, kerana penggunaan kandungan sebahagian atau keseluruhan buku ini.

FINGERTEC WORLDWIDE SDN BHD

www.fingertec.com

Untuk tip teknikal dan manual dalam bahasa lain, rujuk <http://user.fingertec.com>

© 2010 FingerTec Worldwide Sdn. Bhd . Semua hak terpelihara - 012011